

*Tarikh Dibaca: 16 September 2016*

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“UKHWAH ISLAM TERAS PERPADUAN  
UMMAH”***

***\*\*\****

***Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**





## “UKHWAH ISLAM TERAS PERPADUAN UMMAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ  
أَخَوَيْكُمْ<sup>ج</sup> وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ<sup>١</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

<sup>1</sup> al-Hujurat ; 10



## Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru muslimin sekalian, agar bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah Allah SWT serta meninggalkan segala apa yang dilarang olehnya.

Mimbar pada hari ini ingin membicarakan tentang khutbah yang bertajuk "**UKHWAH ISLAM TERAS PERPADUAN UMMAH**".

## Hadirin Jumaat sekalian,

Islam merupakan agama yang mementingkan ukhwah dan perpaduan dalam kalangan penganutnya. Oleh itu, ciri utama dalam semua ibadat yang kita lakukan adalah bersandarkan ukhwah serta perpaduan. Contohnya, ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji yang disyariatkan kepada kita adalah antara lainnya bertujuan untuk membina ukhwah serta perpaduan justeru menjadikan kita mukmin yang bersaudara.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 10;

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا  
اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

*"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat".*

Ayat di atas menerangkan bahawa setiap Muslim yang beriman itu terikat kepada tali kekeluargaan, iaitu satu ikatan yang menjulang perpaduan



antara kita sementelah ia mampu mengatasi hubungan darah dan kekeluargaan. Justeru, adalah menjadi kewajipan bagi mereka menjaga ikatan ini dengan amalan tolong-menolong dan menghormati antara satu sama lain. Ia amat bersesuaian dengan pesanan orang tua-tua, "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing". Inilah ciri-ciri persaudaraan ideal yang telah dibina atas dasar seagama oleh Nabi Muhammad SAW ketika penghijrahan baginda ke kota Madinah.

Menurut sejarah, keunggulan persaudaraan yang tercatat ini berlaku di antara golongan Ansar dan Muhajirin. Dalam konteks ini, mereka telah berjaya membentuk ukhwah atau persaudaraan yang teguh antara satu sama lain. Misalnya golongan Ansar yang memiliki dua helai baju akan merelakan hati menghadiahkan sehelai baju yang dimiliki mereka kepada golongan Muhajirin. Manakala, mereka yang mempunyai dua buah rumah pula akan menghadiahkan sebuahnya kepada keluarga Muhajirin. Tidak kurang juga bagi mereka yang memiliki dua bidang tanah. Sebidang daripada tanah tersebut akan diwakafkan kepada kaum Muhajirin. Begitulah betapa utuhnya persaudaraan yang dijulang dan dihayati oleh masyarakat Islam di zaman Nabi Muhammad SAW.

### **Muslimin yang dikasihi Allah,**

Dewasa ini, apa yang berlaku hakikatnya ibarat jauh panggang dari api. Mana tidaknya, persaudaraan sesama Islam yang berprinsipkan semangat kekeluargaan dan roh perpaduan dilihat semakin pudar ditelan zaman. Sebagai contoh, ada antara kita yang sesetengahnya jarang sekali bersua muka bersama ahli keluarga mereka. Sehinggan, mereka langsung tidak mengenali ahli keluarga sendiri. Manakala, ada pula sesetengah jiran tetangga yang bersikap seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing. Mereka saling tidak bertegur sapa dan tidak mengenali



antara satu sama lain. Dalam hal yang lain, sesetengah golongan peniaga sekarang ini suka memomok-momokkan golongan pengguna. Bahkan sebahagian majikan sejak kebelakangan ini juga suka mengabaikan kebajikan para pekerja mereka.

Tidak kurang juga, masih terdapat golongan fakir dan miskin dilihat semakin dipinggirkan oleh sebahagian golongan berada. Kini, fenomena hasad dengki, buruk sangka, dendam dan khianat masih lagi bercambah dalam hati masyarakat sejagat tidak ubah seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Lebih memburukkan keadaan apabila, ada juga sesetengah ahli, pemimpin serta pengikut parti politik yang bergaduh sesama sendiri hingga menggugat ukhwah umat Islam. persoalannya, mengapakah umat Islam masih lagi berpecah belah?

Antara faktor utama yang mengundang permasalahan ini adalah disebabkan faktor pegangan akidah yang lemah, ketakwaan serta kasih sayang sesama Islam semakin menipis. Ini mengakibatkan maruah umat Islam tidak lagi dijulang tinggi, malah dianggap rendah hari demi hari. Kehidupan sebilangan besar umat beragama Islam mutakhir ini sudah tidak berlandaskan dengan konsep ukhwah serta perpaduan seperti mana yang telah dianjurkan oleh Nabi Muhammad SAW. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Nu'man Bin Bashir RAnhuma bahawa baginda Rasulullah SAW bersabda;



مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ  
وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ؛ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ  
تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى

*"Perumpaan orang mukmin dalam berkasih sayang, berkasihan belas dan menaruh simpati adalah seperti satu tubuh. Apabila salah satu anggota ada yang sakit, maka seluruh anggota tubuh akan merasainya seperti demam dan tidak dapat tidur malam".*

### **Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah bersama-sama kita hayati budaya ukhwah dan perpaduan, sebagaimana kaedah yang telah digariskan Allah SWT. Antaranya;

Pertama; umat Islam hendaklah menjauhi sikap berprasangka buruk, saling mencaci mengadu domba dan mengeji antara satu sama lain kerana perbuatan seebginilah sebenarnya yang menjadi punca perselisihan serta pergaduhan antara kita semua.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hujuraat ayat 12;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ  
بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا



أَتُحِبُّ أَحَدَكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا  
فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَحِيمٌ

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani".

Kedua; setiap individu muslim hendaklah menjadi anggota masyarakat yang berfikiran positif, tolong menolong, saling membantu antara satu sama lain, elakkan perasaan ego, fanatik dan perasaan serba tidak kena dengan pendapat dan usaha orang lain agar ukhwah akan kita julang secara bersama kelak. Hal ini seiring dengan firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2;

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى  
الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ





*"...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)".*

Ketiga; umat Islam hendaklah sentiasa mengucapkan salam apabila bertemu. Inilah yang akan mewujudkan satu hubungan ukhwah yang baik dan sempurna. Di dalamnya, ada ucapan kebaikan, keselamatan, kesejahteraan, pahala dan doa.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 86;

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ  
اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا

*"Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu".*

Keempat; Memastikan agar segala bentuk hak-hak sosio-ekonomi dan politik dalam kalangan rakyat marhaen sentiasa berada dalam kondisi yang adil dan saksama. Manakala, amalan seperti diskriminasi dan double standard yang menyentuh kepentingan setiap individu hendaklah dihindari sama sekali. Hal ini penting kerana, dengan terlaksananya konsep keadilan, maka di sana akan timbulnya kepuasan diri lantaran ia menjurus kepada



wujudnya kerjasama, penghormatan, dan persefahaman antara satu sama lain sekali gus mengukuhkan perpaduan ukhwah sesama umat Islam.

Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 8;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ  
بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا  
أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ  
بِمَا تَعْمَلُونَ

*"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui Dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan".*

**Hadirin Jumaat sekalian,**

Mengakhiri khutbah ini, mimbar ingin menyeru muslimin sekalian agar bersama-samalah menjulang perpaduan dalam kehidupan seharian. Dengan perpaduan, kita boleh memartabatkan kembali kekuatan politik, penguasaan ekonomi serta kualiti sosial umat Islam pada masa hadapan. Oleh hal yang demikian, kita tiada pilihan lain lagi kecuali kembali bersatu dalam bersama-



sama menjangkai perpaduan berdasarkan ketaatan kepada ajaran al-Quran dan as-Sunnah demi kepentingan generasi masa hadapan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا  
نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ  
فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ  
النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تَهْتَدُونَ

*"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya".*

(ali-Imran ; 103).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ  
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ  
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه



الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد  
العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالْتَوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَ عَهْدِ  
سَلَاغُورَ، تَعَكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الدِّينِ ادريس شاه الحاج في أمن وصلاح وعافية  
بمنك وكرمك يا ذا الجلال والإكرام. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat khususnya wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾





فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.